

28/04/2000

Kebolehan mengurus kunci kemajuan: Mahathir

SINTOK, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan mengenai pentingnya kecekapan dalam bidang pengurusan bagi mencapai kejayaan yang cemerlang.

Perdana Menteri berkata, kecekapan mengurus harus dipelajari sebagai teras untuk menggerakkan perniagaan manakala bagi organisasi kerajaan, pengurusan yang cekap menjadi kunci kemajuan negara.

Untuk itu, kata Dr Mahathir, kerajaan membina Universiti Utara Malaysia (UUM) yang khusus menawarkan pelbagai ilmu mengenai pengurusan, terutama berkaitan perniagaan.

Dr Mahathir berkata, berdasarkan kemajuan teknologi maklumat (IT), ilmu pengurusan harus diperkukuh dengan penguasaan IT yang bukan setakat memudahkan sesuatu urusan, malah memastikan masyarakat di negara ini tidak ketinggalan dalam arus kemajuan IT secara global.

"Kerajaan membina UUM khusus untuk menyediakan ilmu pengurusan. Ia penting untuk negara kerana tanpa pengurusan, kita tidak boleh membina negara.

"Kebolehan dalam bidang pengurusan amat penting jika kita ingin melihat Bumiputera memasuki perniagaan. Saya harap, lebih ramai belia Melayu mempelajari bagaimana cara mengurus dengan baik untuk memasuki perniagaan.

"Penguasaan komputer amat penting jika kita ingin mencapai kemajuan. Saya harap, lebih ramai lagi yang boleh menguasai komputer... supaya komputer jadi seperti pen atau pensil," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika melancarkan komputer peribadi yang dipasang sendiri oleh kakitangan Pusat Komputer UUM berjenama `SerindIT' di UUM, di sini hari ini.

Turut hadir, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali; Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan Naib Canselor UUM, Prof Datuk Dr Mohd Noor Salleh.

(END)